

Wujudkan tanda ingati Dr. M di Putrajaya

UM 4 JUL 2002

KUALA LUMPUR 3 Julai — Perbadanan Putrajaya yang bertanggungjawab terhadap pusat pentadbiran utama Kerajaan Pusat disaran mewujudkan tanda ingatan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai menghargai jasanya.

Senator Rosli Mat Hassan ketika menyuarakan perkara itu berkata, Putrajaya yang diilhamkan oleh Perdana Menteri pada peringkat awalnya menghadapi pelbagai cabaran termasuk kesan kelembapan ekonomi.

Tidak cukup dengan keadaan itu, katanya, pembinaan Putrajaya yang kini menjadi kebanggaan rakyat dan negara turut mendapat cemuhan khususnya daripada parti pembangkang yang per-



Laporan

HELMI MOHD. FOAD

nah mengancam melongnya jika dapat memerintah negara ketika kempen pilihan raya umum pada 1999.

“Segala cabaran itu ber-

jaya dihadapi dengan tabah sehingga wujudnya Putrajaya seperti sekarang.

“Memandangkan Dr. Mahathir sudah menyatakan hasratnya untuk bersara maka wajar jika pentadbiran Putrajaya mewujudkan tanda ingatan bagi mengenang jasanya,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002 pada sidang Dewan Negara hari ini.

Rang Undang-Undang yang diluluskan itu antara lain bertujuan menggantikan perkataan kawasan Perbadanan Putrajaya dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan menambah wakil negeri Selangor dalam Perbadanan daripada seorang kepada dua anggota.

Rosli berkata, tanda

ingatan itu boleh dibuat dalam pelbagai bentuk atau cara sama ada melalui nama jalan dan batu tanda ingatan.

“Tanda ingatan itu boleh menjadi kenangan ke-

pada generasi akan datang untuk mengetahui siapa yang banyak berjasa terhadap kewujudan Putrajaya sehingga ia menjadi bandar yang moden dan terancang,” katanya.

Senator Datuk Hamzah Zainuddin pula berkata, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan Putrajaya terus kekal sebagai sebuah bandar terancang dari segi fizikal dan pengurusan.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Azlan Sultan Abu Bakar ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata, banyak lagi projek pembangunan akan dilaksanakan di Putrajaya termasuk pembinaan hotel, pasar moden serta sembilan lagi sekolah agama.